

22 MAR 2002

DR ABDUL MONIR KETUA PENGARAH IKIM YANG BARU

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Penolong Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) Datuk Dr Abdul Monir Yaacob dilantik sebagai ketua pengarah Ikim yang baru mulai 1 April.

Pengerusi Ikim Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid dalam satu kenyataan mengenainya berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik Dr Abdul Monir, 55, memegang jawatan itu secara kontrak selama dua tahun.

Dr Abdul Monir yang berkelulusan Universiti Al-Azhar dan mendapat ijazah doktor falsafah (Ph.D) di Universiti Islam Antarabangsa pada 1991, menggantikan Datuk Dr Ismail Ibrahim yang tamat kontrak perkhidmatannya pada tarikh yang sama.

Dr Abdul Monir mula memegang jawatan penolong ketua pengarah Ikim pada 1997.

Ikim yang beroperasi sejak 1992 adalah hasil ilham Dr Mahathir.

Ahmad Sarji berkata Lembaga Pengarah Ikim yang bersidang hari ini melantik seorang lagi Penolong Ketua Pengarah Ikim Nik Mustapha Nik Hassan sebagai timbalan ketua pengarah Ikim, iaitu satu jawatan yang akan diwujudkan semula di Ikim.

Beliau berkata lembaga itu mengucapkan terima kasih kepada Dr Ismail atas sumbangannya meningkatkan kefahaman prinsip Islam melalui Ikim di samping membantu melaksanakan program-program Ikim.

-- BERNAMA

HS HS RON